

P.U. (B). 213.**AKTA KOPERASI 1993****NOTIS PENYELESAIAN PENGAMBILALIHAN KAWALAN
(KOPERASI BELIA NASIONAL BERHAD)**

BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan) 2016 [*P.U. (A) 272/2016*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 25 Oktober 2016, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik Tetuan Jamal, Amin & Partners (No. Pendaftaran AF1067) untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Belia Nasional Berhad, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya berkuat kuasa mulai 26 Oktober 2016 hingga 25 Oktober 2018 atau sehingga suatu Lembaga dipilih di bawah undang-undang kecil koperasi itu, mengikut mana-mana yang terdahulu:

DAN BAHAWASANYA, melalui Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Pelantikan Semula) 2019 [*P.U. (A) 130/2019*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 10 Mei 2019, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melantik semula Tetuan Jamal, Amin & Partners (No. Pendaftaran AF1067) untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Belia Nasional Berhad, dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya berkuat kuasa mulai 31 Oktober 2018 hingga 30 Oktober 2019:

DAN BAHAWASANYA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan mesyuarat agung khas Koperasi Belia Nasional Berhad pada 26 Oktober 2019 dan dua belas anggota Lembaga baharu telah dipilih dengan sewajarnya pada mesyuarat agung khas itu: